

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (KUALA LANGAT.SEPANG)

TARIKH: 25 OGOS 2017

MUKA SURAT: 40

‘Kita mahu hak rakyat sampai’

Persatuan penduduk disaran daftar ROS, bagi memudahkan urusan dapatkan dana, pelbagai manfaat lain

KUALA LANGAT- Persatuan penduduk di kawasan perumahan dan komuniti setempat disaran mendaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) bagi memudahkan urusan bagi mendapatkan pelbagai faedah dan manfaat.

Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Selangor, Nurul Azhar Husin berkata, pihaknya bersedia memberi kerjasama dan penerangan lanjut dalam membantu penduduk mendapatkan ROS.

“Jadi saya harap mereka boleh berbuat demikian dengan segera, kalau dah daftar senang mereka nak dapatkan dana untuk jalankan aktiviti-aktiviti di komuniti mereka.



INFO

● Peruntukan RM10,000 boleh dipohon jika sudah mendaftar ROS

“Sebagai contoh di daerah ini kita mempunyai 34 persatuan di Dun Sijangkang, 26 di Dun Telok Datuk dan lima di Dun Morib,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Penerangan Pendaftaran ROS kepada 70



Sebahagian wakil persatuan yang hadir dalam Majlis Penerangan Pendaftaran ROS, kelmarin.

wakil persatuan di daerah ini, kelmarin.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, program itu bertujuan mengajak setiap persatuan memohon peruntukan sebanyak RM10,000 daripada

Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan syarat perlu mendaftar dengan ROS.

Sulaiman berkata, memandangkan kepimpinan di kampung dan perumahan sukar hendak mencari dana untuk mengadakan program,

jadi beliau menggerakkan usaha memanggil wakil ROS membuat penerangan dan taklimat kepada wakil-wakil persatuan.

“Saya fikir sudah tibanya saya buat sesuatu yang dapat bantu 70 persatuan penduduk di daerah ini.

“Untuk mohon peruntuk-

an ni, kenalah daftar ROS...tak kira kita dari mana kerana kita mahu hak rakyat sampai.

“Jadi kesemua 70 persatuan digalakkan daftar ROS, harap mereka semua dapat berbuat demikian. Lepas ni saya tak mahu dah dengar ada persatuan yang tak mendaftar,” katanya.